

**Malaysia Gesa Proses Telus Bagi Pemilihan Setiausaha Agung PBB
Bernama
5 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Malaysia menggesa negara anggota Pertubuhan Bangsa Bersatu (UN) meneliti secara serius mengenai keperluan bagi proses telus dan inklusif dalam pemilihan dan pelantikan Setiausaha Agung badan dunia itu.

Kuasa Usaha dan Timbalan Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Raja Reza Raja Zaib Shah berkata langkah itu penting kerana Setiausaha Agung mewakili semua negara anggota PBB dan bukan hanya Majlis Keselamatan sahaja.

"Sehubungan itu, kami menggesa bagi pelaksanaan resolusi-resolusi sebelum ini berhubung isu bagi pemilihan dan pelantikan Setiausaha Agung pada masa depan," katanya dalam kenyataannya pada Kumpulan Kerja Ad-hoc mengenai Pencergasan Perhimpunan Agung di New York pada 4 Mac.

Dalam ucapannya, yang dihantar kepada BERNAMA di Kuala Lumpur, Rabu, Raja Reza mengulangi cadangan Malaysia bahawa Presiden Perhimpunan Agung (PGA) patut diperuntukkan sumber-sumber perlu untuk beliau menjalankan tugas dengan baik.

"Peranan dan aktiviti PGA terus meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini. Hari ini, kami menyaksikan lebih banyak isu dan agenda yang dipertimbangkan oleh Perhimpunan Agung berbanding beberapa tahun lepas," katanya.

Raja Reza berkata delegasi Malaysia juga menegaskan betapa pentingnya mengadakan pemilihan tahunan anggota tidak tetap Majlis Keselamatan PBB (UNSC) dan anggota Majlis Ekonomi dan Sosial (ECOSOC) lebih awal daripada Oktober.

Menurut beliau, Malaysia percaya langkah itu akan membolehkan bakal anggota tidak tetap UNSC membuat persediaan lebih baik untuk menjalankan tanggungjawab mereka.

Katanya, dengan mengawalkan tarikh pemilihan, anggota terbabit juga mempunyai tempoh masa sesuai untuk memperkukuhkan pejabat misi mereka di New York dan membolehkan pegawai mereka mengetahui pelbagai isu terdapat dalam Majlis.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019466>